

# MANHAJ DAN DAWABIT PENGELUARAN FATWA

WAN ABDUL FATTAH WAN ISMAIL<sup>1</sup>  
MUHAMMAD ADIB SAMSUDIN<sup>2</sup>  
ISMAIL IBRAHIM<sup>3</sup>

## Abstract

*This article intends to examine the concept of manhaj and dawabit in issuing a fatwa. An account for manhaj attained through the consensus of fiqh scholars' opinions to assess its validity and compatibility with the syariah rulings. It further argues the importance of the knowledge of social science as an additional tool in issuing fatwa and extracting syariah rulings. It is acknowledged that issuance of fatwa only focuses on the zanniyy matters. However, the using of dawabit requires strict monitoring so that it will not go beyond the limits enshrined in the Quran and Sunnah. In principle, dawabit employed by the Prophet's companions had been arranged according to the systematic rules, known as manhaj or methods. A coherent and certain manhaj is the sole guideline referred to by the mujtahid in issuing fatwa from time immemorial. To comprehend the manhaj is vital to enable us to distinguish the thoughts and ideas that were primarily based on correct principles and reasoning from those merely based on speculation or assumptions.*

## PENDAHULUAN

Fatwa bermaksud pemberitahuan (*al-ikhbar*) mengenai hukum Allah (s.w.t) yang tidak bersifat *ilzam*<sup>4</sup>. Para ulama Usul Fiqh akan mengupas mengenainya sebaik sahaja selesai membahaskan topik berkaitan ijtihad. Ini membayangkan kaitan yang sangat rapat antara fatwa dan ijtihad. Sesetengah ulamak berpendapat antara syarat-syarat seseorang yang hendak dilantik menjadi mufti hendaklah seorang mujtahid<sup>5</sup> atau *faqih*. Perbincangan mengenai konsep fatwa akan berterusan sehinggalah ke

- 1 Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- 2 Pensyarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 3 Pensyarah, Universiti Teknologi Malaysia Melaka.
- 4 Al-Bannani. t.t. *Hashiah al-'Allamah al-Bannani' Ala Sharh al-Jala' al-Din al-Mahalli' Ala Matn Jam' al-Jawamf*. Juzuk Kedua. hlm. 397.
- 5 Al-Amidi, cAli bin Muhammad. 1402H. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Sunt. cAbd al-Razzaq cAffi. Beirut: al-Maktab al-Islami. Jilid Ketiga. hlm. 397.
- 6 Al-Zuhaily, Wahbah. 1417H/1996. *Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid Kedua. hlm. 1156.

akhirnya seperti yang dapat dirujuk kepada kitab-kitab Usul Fiqh yang muktabar. Walaupun mungkin perlu diperbincangkan tentang keperluan memberi ruang kepada semua mazhab dalam pengeluaran fatwa berbanding terikat dengan satu-satu mazhab sahaja dengan mengambil kira asas-asas perundangan<sup>7</sup> namun penulis akan cuba mengambil pendekatan yang sedikit berbeza dengan mengupas isu yang lebih jauh iaitu yang mengawal pengistinbatan hukum dan sekaligus termasuk pengeluaran fatwa yang dikenali dengan *manhaj*.

Fatwa tidak hanya semata-mata pengeluaran hukum tetapi ia pada hakikatnya manifestasi keilmiahan *manhaj* yang hanya dimiliki oleh Islam sahaja yang tidak akan dapat didapati dari mana-mana ideologi ciptaan akal manusia. *Manhaj* ini dirumuskan dalam satu kaedah yang unik dan mengagumkan iaitu :

Maksudnya: *Jika anda penyampai berita maka (berita itu) hendaklah yang benar dan sahih. Jika anda mendakwa, maka hendaklah (disertakan) dengan dalil.*

Ini bermakna sesuatu kajian itu tidak akan terkeluar daripada dua bentuk iaitu sama ada perkhabaran atau nukilan berita mahupun merupakan satu dakwaan. Jika ia berupa perkhabaran atau nukilan, maka kajian mestilah dibataskan kepada usaha untuk memastikan hubungan antara perkhabaran itu dengan sumbernya kerana hubungan inilah yang mencetuskan kemungkinan, tokok tambah dan keraguan. Sekiranya tiada kemungkinan dan keraguan, perkhabaran itu menghasilkan suatu hakikat ilmiah dengan syarat ia mempunyai *dalalah* yang putus (*qat'iy*) (al-Buti 1993)<sup>9</sup>. Manakala yang berbentuk dakwaan pula, tumpuan perbahasan mestilah diberikan kepada bukti-bukti ilmiah yang sejajar atau menepati dakwaan tersebut yang sifat dan tugasnya akan membuktikan kebenaran dakwaan yang dikemukakan<sup>10</sup>.

Perkara ini amat penting diperbincangkan memandangkan terdapat usaha dan niat yang murni tetapi mungkin tidak disedari akan menjadikan proses pengistinbatan Hukum Syarak tidak lagi bersandarkan kepada *manhaj* yang ilmiah yang telah sedia wujud sejak zaman sahabat Nabi Muhammad (s.a.w) lagi. Justeru penulisan ringkas ini akan berusaha menelusuri satu sisi sahaja daripada *manhaj* ilmiah tersebut yang sentiasa menjadi kebanggaan kepada umat Islam. Semoga Allah (s.w.t) menjadikan penulisan ini sentiasa memberi manfaat kepada agama dan sekalian umat Islam.

7 Al-Qaradawi, Yusuf. 1990/1410H. *Fatawa Mu'asirah*. Cetakan Kelima. Kuwait: Dar al-Qalam li al-Nashr wa al-Tawzic. Jilid Pertama. hlm.11.

8 Al-Farfur, Muhammad 'Abd. Al-Latif Salih. 1408H/1988. *Mi'yar al-'ilm aw usul al-khilaf al-'ilmiyy*. Beirut : Dar al-Ma'mun li al-Turath. hlm.51.

9 Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1413H/1993. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. Cet. ke-8. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir. hlm. 34.

10 *Ibid*.

## MANHAJ JAMI' YANG DISEPAKATI DALAM PENGISTINBATAN HUKUM SYARAK

*Manhaj* atau metod yang menjadi fokus utama kertas ini merupakan pegangan dan panduan yang menjadi ukuran dan timbangan dalam memahami serta mentafsirkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dalam merumus hukum hakam dan *mendabit*<sup>11</sup> pemikiran mahupun ijtihad<sup>12</sup>. Ia telah diiltizam oleh seluruh generasi umat Islam sepanjang zaman dalam usaha mereka memahami al-Quran dan al-Sunnah. Peranan *manhaj* ini juga tidak kurang pentingnya dalam usaha mengkaji dan memastikan setiap satu dari dua sudut dalam syariat Islam iaitu yang tetap (*al-thabat*) dan sudut yang menerima perubahan (*al-tatawwur*). *Manhaj* ini terkandung di dalamnya kaedah-kaedah yang disepakati oleh seluruh ahli salaf dan terdapat juga beberapa kaedah yang tidak disepakati oleh mereka. Dengan kata lain, permasalahan yang berada di bawah kaedah ini dari jenis kedua dan termasuk dalam kategori *ijtihadiiyyah* yang terbuka kepada perbahasan dan perbincangan. Hasil daripada perbahasan dan perbincangan tersebut akan menyebabkan wujudnya pendapat dan pandangan yang berlainan. Namun demikian, perbezaan pendapat dan pandangan yang berpunca daripada tabiat kaedah yang sedemikian masih tetap diperakui dalam garis daerah iltizam dengan *manhaj* Islam tersebut<sup>13</sup>.

Oleh itu, umat Islam yang iltizam dan komited dengan al-Quran dan al-Sunnah mempunyai neraca (*al-mizan*) atau pengukur (*al-miqyas*) yang tetap dalam mentafsirkan nas dan kandungannya.<sup>14</sup> Pada waktu yang sama juga mereka mempunyai tempat rujukan bagi *mendabit* iaitu mengawal, mengikat dan memastikan pendapat atau ijtihad yang benar dan sah agar tetap tunduk kepada kekuasaan nas. Disebabkan agama Islam pada keseluruhannya terdiri daripada asas *naqli* yang sabit daripada nas berbahasa Arab dan juga di atas asas *'aqli* yang sabit daripada prinsip-prinsip ilmu atau epistemologi yang *badihi* dan *daruri*,<sup>15</sup> maka kaedah-kaedah dalam *manhaj* ilmiah Islam inilah yang wajar menjadi pengukur atau neraca dalam memahami dan mentafsirkan nas. Begitu juga *manhaj* ini turut menjadi tempat rujukan untuk memastikan kesahihan pendapat atau ijtihad yang salah dan mengelirukan<sup>16</sup>.

11 Kata jamak daripada *dabit* yang bererti menjaga, memelihara sesuatu daripada bercampur dengan yang selain daripadanya.

12 Al-Buti. 1413H/1993. Hlm. 34.

13 Ibid.

14 Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. 1997. *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Selangor: Yayasan Salman. hlm.35-36.

15 Secara mudahnya, *badihi* atau *daruri* ialah setiap yang berakal tidak akan berselisih pendapat mengenainya. Sebagai contoh hasil daripada dua dicampur dengan tiga ialah lima. Seorang kanak-kanak atau seorang profesor matematik tetap akan menyatakan jawapan yang sama. Sesiapa yang menolak hakikat *badihi* atau *daruri* dikira tidak mengikut kaedah akal yang logik.

16 Ibid.

## Maksud *Manhaj* dan Kepentingannya

*Manhajjami<sup>f</sup>* atau metode yang menyeluruh bukan bermaksud teknik atau sistem kajian ilmiah<sup>17</sup> tetapi suatu jalan (*al-tariqah*) yang akan memandu seseorang pengkaji menemui kebenaran sama ada dalam bentuk berita yang hendak dipastikan kesahihannya atau isu yang hendak dipastikan kebenaran atau kepaluan buktinya.<sup>18</sup>

Ia pula hanya boleh disingkap dan tidak boleh direka. Dengan kata lain, ia adalah hakikat yang telah sabit yang tidak akan diragui oleh akal serta boleh diterima oleh fitrah manusia secara sukarela. Oleh itu, syarat utama sesuatu *manhaj* itu mestilah yang telah sedia wujud dalam diri manusia atau terdapat secara semulajadi dalam dasar pemikiran manusia. Keadaannya sama sahaja dengan ilmu atau maklumat yang *badihi* dan *fitri* yang telah sedia ada dalam diri manusia sejak awal kejadiannya sebagai benih pertama dalam proses percambahan dan perkembangan ilmu. Justeru akal tidak berperanan lebih daripada pemerhati sahaja yang kemudiannya akan bertindak sebagai pembuka (*iktishaf*) kepada hakikat *manhaj* yang telah sedia terdapat dalam diri manusia itu sendiri. Ia bukanlah rekaan mahupun ciptaan akal manusia kerana jika setiap *manhaj* direka dan dicipta, maka secara automatik ia pasti memerlukan kepada *manhaj* yang lain pula untuk memastikan *manhaj* yang pertama tepat, benar serta memenuhi spesifikasi ilmiah dan begitulah seterusnya sehingga tiada berpenghujung<sup>19</sup>.

Kewujudan *manhaj* yang tersusun kemas dalam bentuknya yang ada pada hari ini<sup>20</sup> mempunyai signifikannya tersendiri kerana apabila penyeru dan pendokong kepada *tajdid* (pembaharuan) tidak sewenang-wenangnya dapat mempermain-main atau mengubah hukum Syarak setelah mendapati asas-asas hukum syarak yang kononnya hendak diperbaharui itu terikat kemas dengan *dawabit* dan mempunyai *manhaj* yang mengawalinya. Oleh itu, tumpuan mereka beralih pula kepada usaha untuk 'menceroboh' *manhaj* itu sendiri bagi memenuhi tujuan tersebut. Mungkin dengan menganggap *dawabit* dan *manhaj* ini adalah rekaan para ulama dan mujtahid ketika berjihad mengistinbat hukum syarak, maka mereka turut merasakan berpeluang untuk merubah hukum dengan mencipta *manhaj* mereka sendiri dengan tujuan hanya mereka sendiri

17 Iaitu metodologi kajian seperti yang sering difahami ketika ini khususnya para pengkaji barat yang ia dijadikan sebagai salah satu silibus yang wajib lulus di universiti-universiti tempatan. Pada pandangan Islam ia bukanlah *manhaj* ilmiah tetapi tidak lebih daripada *uslub* atau kaedah, tatacara bentuk persembahan dan kajian sahaja.

18 Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2000. *al-Salafiyyah Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Mazhab Islamiyy*. Cetakan Ulangan. Beirut : Dar al-Fikr al-Mu'asir. hlm. 60.

19 Ibid

20 *Manhaj* ilmiah Islam ini sama ada dari pegangan atau pengamalannya telahpun wujud sejak zaman Rasulullah (s.a.w) dan zaman sahabat lagi tetapi dari segi pengkajian, penyelidikan dan penulisan serta pembukuan *manhaj* ini hanya lahir setelah berlalu separuh daripada usia *salaf al-salih*.

sahaja mengetahuinya sedangkan pada hakikatnya – dengan disadari atau tidak – mereka mengalami krisis ilmu pengetahuan yang boleh membawa kepada kecelaruan akidah dan penyelewengan beragama.<sup>21</sup>

### **Kandungan *Manhaj***

Kandungan *manhaj* yang akan diperbincangkan dengan panjang lebar seketika nanti pada hakikatnya berperanan merealisasikan tiga peringkat berikut yang merupakan faktor yang membawa kepada keyakinan jitu dan mantap seseorang Muslim terhadap agamanya iaitu<sup>22</sup>:

- a. Memastikan kesahihan nas-nas yang *warid* dan dinukil daripada lisan Rasulullah (s.a.w) sama ada nas itu berupa al-Quran ataupun al-Sunnah iaitu benar-benar yakin bahawa nas tersebut benar-benar 'datangnya' daripada Rasulullah (s.a.w) dan bukannya rekaan mana-mana manusia.
- b. Meneliti dan memahami makna serta maksud kandungan nas sehingga berasa yakin makna itulah yang dikehendaki oleh Allah (s.w.t) sebagai empunya nas.
- c. Menimbang kandungan maksud yang telah difahami itu dengan ukuran logik akal<sup>23</sup> bagi menentukan pendirian akal terhadap nas tersebut.

Walaubagaimanapun, usaha merealisasi matlamat tersebut tidak akan berjaya tanpa bantuan alat-alatnya yang merupakan tumpuan utama penulisan ini. Ia terbahagi daripada tiga bahagian iaitu:

- i. Kaedah-kaedah dan maklumat-maklumat yang menjadi neraca bagi memastikan kesahihan atau kepalsuan sesuatu perkhabaran di samping menjadi penilai darjat perkhabaran yang sahih menurut ukuran akal serta darjat kesahihan dari perkhabaran tersebut.
- ii. Kaedah-kaedah dan maklumat-maklumat yang berhubung dengan *dalalah* dan *bayan*. Ia adalah rumusan daripada penelitian yang dibuat ke atas kefahaman serta penggunaannya di kalangan penutur asli bahasa Arab sehingga membawa kepada penyusunan pelbagai jenis kamus yang terdapat pada hari ini. Selain itu juga, berdasarkan kepada kajian tadi ia turut menghasilkan asas *dalalah* dan kaedah-kaedah Ilmu Bayan yang akhirnya dapat mewujudkan *manhaj* ilmiah untuk mentafsir nas dan mengetahui maksud yang terkandung atau yang ditunjukkan oleh sesuatu lafaz.

21 Antaranya ialah golongan yang menuntut supaya autoriti mengistinbat hukum syarak khususnya yang melibatkan bidang fatwa tidak seharusnya terbatas kepada mufti sahaja tetapi hendaklah terbuka kepada sesiapa sahaja yang kononnya menggunakan *manhaj* akal yang rasional?!

22 Al-Buti, hlm. 60.

23 Yang dimaksudkan dengan logik akal atau mantiq di sini ialah *qawa'id al-dirayah* dan *ma'rifah* secara umum.

- iii. Ukuran logik dan timbangan akal semata-mata yang merupakan hasil penelitian serta pemerhatian terhadap perjalanan akal manusia dalam usaha untuk mengetahui serta menilai kebenaran atau kesalahan yang daripada sebarang andaian atau tekaan. Memandangkan akal adalah satu-satunya aset yang dimiliki oleh manusia bagi mendapatkan pengetahuan, maka timbangan dan neraca yang ada ini menjadi satu-satunya *manhaj* bagi digunapakai dalam usaha untuk menapis andaian dan tekaan tersebut serta membuktikan sesuatu dakwaan itu adalah ilmiah ataupun tidak.

Penulis akan berpandukan kepada kitab al-Salafiyah Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Mazhab Islamiyy karangan Dr. Muhammad Sa' id Ramadan al-Buti *hafizahuLlah*<sup>24</sup> dalam usaha menghuraikan *manhaj* i) dan ii) sahaja manakala *manhaj* yang ketiga bolehlah dirujuk kepada buku-buku khusus mengenai ilmu mantik.

### Kaedah Memastikan Kesahihan Nas<sup>25</sup>

Seperti yang telah disebutkan, kebenaran yang hendak dicapai sama ada kesahihan nas dan berita yang disampaikan atau kesahihan bukti terhadap dakwaan yang dikemukakan. Bagi memastikan kesahihan dan kebenaran nas yang datang daripada Rasulullah (s.a.w) ulama-ulama hadis telah menggariskan tiga bahagian mengikut peringkat atau darjat iaitu:

- a. *Mutawatir* iaitu setiap khabar<sup>26</sup> yang diriwayatkan oleh sebilangan besar sahabat daripada Nabi (s.a.w) yang menurut akal adalah mustahil mereka bersepakat untuk berdusta mengenai kandungan periwayatan tersebut. Kemudian khabar berita ini diriwayatkan pula oleh sekumpulan besar tabiin yang mempunyai bilangan yang sama dengan bilangan para sahabat dan begitulah seterusnya sehingga khabar berita tersebut ditulis dan dibukukan. Akal yang waras sama sekali tidak akan meragui kesahihan khabar *mutawatir* yang tidak terputus periwayatan-nya bahkan sikap akal manusia yang rasional tanpa mengira agama dan bangsa secara tabiinya akan menerima dan meyakinkannya secara *qat' iyy*<sup>27</sup>.

24 Al-Buti. 2000. hlm. 60.

25 Mungkin timbul persoalan apakah jalan dan cara yang diambil oleh Islam untuk memastikan kesahihan perkhabaran atau laporan berita? Daripada usaha ini lahir beberapa cabang ilmu yang khusus yang tidak terdapat dalam mana-mana tamadan manusia kecuali dalam perpustakaan Islam iaitu ilmu yang diistilahkan dengan Mustalah al-Hadith, al-Jarh wa al-Ta'dil dan Tarajum al-Rijal. Gabungan ketiga-tiga ilmu ini telah membentuk satu ukuran atau timbangan yang halus dan dapat menapis khabar atau berita yang sahih daripada berita yang lainnya juga dapat membezakan di antara khabar-khabar yang sahih dalam taraf yang *zann* daripada taraf yang yakin.

26 Tanpa mengambil kira pandangan sesetengah ulama hadis yang membezakan antara hadis dan khabar.

27 Al-Buti, Muhammad Sa' id Ramadan. 2000. *al-Salafiyah Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Mazhab Islamiyy*. Cetakan Ulangan. Beirut : Dar al-Fikr al-Mu'asir. hlm. 65.

- b. Peringkat kedua iaitu yang lebih rendah daripada *mutawatir* ialah khabar yang diriwayatkan oleh perawi yang tidak mencapai bilangan *mutawatir* tetapi kesemua perawi ini bersifat adil (*adul*), mempunyai daya ingatan yang kuat (*dabit*) dan rangkaian sanad di antara mereka tidak terputus sejak dari zaman Rasulullah (s.a.w) sehingga waktu penulisan. Tambahan pula berita yang disampaikan itu tidak menyalahi berita yang dipercayai (*mawthuuq*) sepertinya yang disampaikan melalui jalan yang lain. Sikap akal dalam keadaan ini pula ialah mengakui dan memercayainya di atas asas *tarijih* sahaja dan bukan putus (*jazam*) iaitu menerimanya bukan dengan keyakinan yang putus tetapi sebagai suatu yang lebih cenderung kepada kebenaran. Ini kerana akal masih tetap merasakan kemungkinan berlakunya keraguan dalam khabar berita seperti ini. Kemungkinan berlaku lupa, kesilapan atau kelalaian pada sesetengah perawinya masih ada walaupun amat jauh memandangkan hadis jenis ini memenuhi syarat sahih namun kemungkinan tersebut masih tetap ada<sup>28</sup>.
- c. Peringkat terendah daripada kedua-dua peringkat hadis di atas ialah hadis daif. Hadis dalam peringkat ini banyak jenis tetapi titik persamaan antara kesemua hadis ini ialah ia tidak boleh menjadi asas pegangan dalam akidah dan *suluk* amali. Namun demikian menurut kebanyakan ulama hadis, hadis daif boleh diamalkan dalam perkara *fada'il* dengan syarat ia tidak sampai kepada peringkat sangat daif sehingga perawinya sendiri juga tidak mempercayai kesahihan hadis tersebut<sup>29</sup>.

### Kaedah Yang Disepakati Dalam Memahami Dan Mentafsirkan Nas

Setelah sempurna kesahihan nas-nas dari segi periwayatan secara yakin dan ilmiah, maka ia akan diikuti pula dengan usaha mendapatkan *manhaj* yang benar dan disepakati yang akan menghasilkan *dirayah* yang sempurna dan sahih. Ketiadaan *manhaj* pada bahagian ini menjadi sebab utama yang membawa kepada percanggahan pendapat dan pertelingkahan dalam masalah fiqh dan akidah. Para ulama pada akhir pertengahan zaman salaf telah berjaya mengumpul dan menyusun kaedah-kaedah tersebut yang kemudiannya menjadi asas pegangan, ukuran atau neraca dalam memahami dan menghasilkan ilmu Islam dan hukum hakamnya sama ada yang berhubung dengan bidang akidah atau *suluk amaliyyah*. Ia terbahagi kepada pengenalan, isi dan pelengkap.

### Pengenalan

Perbincangan tertumpu kepada sumber atau epistemologi prinsip dan

<sup>28</sup> Ibid.

<sup>29</sup> Ibid.

hukum-hakam Islam. Sumber ambilan kesemua prinsip, dasar dan hukum-hakam Islam sama ada yang berupa *'aqa'idiyyah* atau *sulukiyyah* hanyalah *nass 'flami* (nas yang diberitahu) sahaja sama ada nas itu berbentuk perkhabaran (*ikhbar*) ataupun suruhan dan larangan (*insha'*). Perkara akidah akan dapat diketahui melalui nas perkhabaran manakala hukum amali dikenalpasti melalui nas yang berbentuk suruhan dan larangan. Dengan ini penulis suka untuk menegaskan bahawa *manhaj* pemerhatian dan percubaan atau *dalalah* pancaindera dan perasaan tidak boleh menjadi salah satu dimensi dalam epistemologi Islam<sup>30</sup>.

Justeru, pengetahuan mengenai akidah dan perkara amali tidak akan sempurna melainkan melalui sandaran kepada nas yang bersifat *munbi'* (yang memberitahu) atau *munshi'* (yang mengarah) ataupun yang sama taraf kekuatan nas dan termasuk dalam kandungan nas tersebut seperti qiyas. Dengan ini, sebarang pendapat yang hanya bersandarkan kepada akal dan pemikiran semata-mata adalah terkeluar daripada hakikat Islam. Inilah kesimpulan perbezaan di antara agama yang benar dengan pelbagai agama ciptaan selain Islam dan pelbagai pendapat dan aliran pemikiran manusia<sup>31</sup>. Dalam hal ini Imam al-Shafi'i telah berkata dalam al-Risalah<sup>32</sup>:

Jika demikian keadaannya, maka seorang yang berilmu pengetahuan tidak seharusnya mengeluarkan pandangan melainkan dengan *jihat al-ilm* iaitu *al-khabar al-lazim* dan qiyas...jika sebaliknya pula, maka dia lebih hampir kepada dosa daripada pandangan orang yang jahil...Allah (s.w.t) tidak mengizinkan bagi sesiapa selepas Nabi Muhammad (s.a.w) untuk mengeluarkan pandangan tanpa merujuk kepada *jihat al-ilm* dan yang dimaksudkan dengan *jihat al-ilm* selepas Nabi Muhammad (s.a.w) ialah al-Quran, al-Sunnah, ijmak, *al-athar* dan yang aku sifatkan sebagai qiyas ke atasnya.

Berdasarkan nas di atas jika sesiapaapun tidak dibenarkan untuk bercakap mengenai Islam melainkan dengan *jihat al-ilm* iaitu perkhabaran (*al-khabar wa al-naba'*) yang sampai kepada kita, maka adalah jelas sumber utamanya ialah al-Quran diikuti oleh al-Sunnah, ijmak dan juga qiyas. Kesemua dalil ini berperanan penting dalam memberi perkhabaran mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan akidah dan juga mengeluarkan hukum hakam yang berhubung dengan *sulukiyyah*.

Apabila hal ini telah sebatu dan menjadi darah daging dalam diri seseorang Muslim, maka secara logiknya dia pasti akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memahami kandungan nas al-Quran yang

30 Ibid.

31 Ibid.

32 Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris. 1357H/1940. *al-Risalah* Sun. Ahmad Shakir. Qaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi. hlm. 503-508.



terdiri daripada lafaz dan susunan ayat dengan bantuan langsung daripada hadis Nabi Muhammad (s.a.w) yang akhirnya akan membawa kepada satu hakikat iaitu ilmu Islam yang bersumber kepada kitab Allah (s.w.t). Ilmu ini terbahagi kepada dua iaitu:

- a. Ilmu yang mesti dimiliki oleh setiap individu Muslim Islam yang waras akal fikirannya tanpa mengira taraf ilmunya. Ia tidak boleh ditakwil, meragui maksud dan pemahamannya mahupun mempertikai periwayatannya di samping tidak boleh diterima dakwaan individu yang mengaku jahil mengenainya. Ilmu ini merangkumi semua asas akidah dan perkara-perkara pokok dalam syariat seperti kewajipan menunaikan solat, berpuasa pada bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat. Kesemuanya dinaskan oleh Allah (s.w.t) serta diketahui oleh seluruh umat Islam sejak dari zaman Rasulullah (s.a.w) sehingga kini tanpa sebarang perselisihan tentang kewujudannya mahupun kefarduannya. Oleh kerana ilmu dari jenis ini datang secara *mutawatir* serta *dalalahnya* jelas iaitu tiada kemungkinan untuk menerima sebarang pentakwilan, maka ia termasuk dalam ilmu yang yakin dan *qat'iy* dari kedua-dua sudutnya iaitu *qat'iyat al-thubut* dan *qat'iyat al-dalalah*. Di antara hukum ilmu ini ialah setiap individu umat Islam ditaklifkan mengetahuinya tanpa sebarang pengecualian dan juga tidak boleh berijtihad mengenainya kerana hasil ijtihad tidak lebih daripada *zann* sahaja. Kesilapan ketika berijtihad adalah suatu kemungkinan yang sekaligus akan menghilangkan ciri-ciri kepastian yang ada pada ilmu ini<sup>33</sup>.
- b. Ilmu yang hanya dikuasai oleh golongan tertentu sahaja daripada umat Islam keseluruhannya. Taraf golongan ini adalah lebih tinggi daripada golongan awam kerana keahlian dan kepakaran mereka dalam bidang penyelidikan dan kajian keilmuan. Kategori ilmu yang terkandung dalam jenis ini ialah segala cabang dan ranting kepada asas-asas akidah dan hukum hakam amali beserta dalil-dalil yang khusus dan terperinci. Begitu juga termasuk dalam kategori ini hadis-hadis *Ahad* dan *qiyas*. Ilmu jenis kedua ini hanya bertaraf *zann* sahaja tetapi boleh mencecah tahap yakin khusus kepada golongan pakar hasil daripada penyelidikan dan kajian yang berterusan. Dengan kata lain, keyakinan ini hanya menjadi hak ke atas diri individu tertentu sahaja sahaja tetapi tidak menjadi hak ke atas umum umat Islam. Oleh itu, setiap individu Muslim tidak dituntut untuk menguasainya tetapi hanya diwajibkan kepada sebilangan tertentu sahaja bagi mengisi keperluan fardu kifayah iaitu memberi pengetahuan dan panduan kepada umat Islam keseluruhannya supaya menjadi hamba yang benar-benar taat kepada Allah (s.w.t)<sup>34</sup>.

33 Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2000. *al-Salafiyah Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Mazhab Islamiyy*. Cetakan Ulangan. Beirut : Dar al-Fikr al-Mu'asir. hl m. 73.

34 Ibid

Setelah memahami dan mengetahui pengenalan *manhaj* ilmiah ini serta meyakini bahawa al-Quran merupakan sumber utama syariat Islam, maka secara logiknya akal akan difokuskan untuk memahami setiap lafaz dan susunan ayat-ayat serta nas untuk mendapat kesahihan makna seperti yang dikehendaki oleh Allah (s.w.t) sebagai penggubal syariat dengan berpandukan kepada sunnah Rasulullah (s.a.w). Justeru perbincangan berpindah kepada isi *manhaj*.

### Isi *Manhaj*

Pemahaman terhadap nas-nas syarak yang menjadi isi *manhaj* bergantung kepada kaedah-kaedah bahasa Arab yang perlu dipatuhi ketika mentafsirkan nas. Ia terbahagi kepada dua iaitu *dalalah* dan  *bayan*.

#### i) *Dalalah*

Yang dimaksudkan dengan *dalalah* di sini ialah *usul dalalat al-alfaz 'ala al-ma'ani* iaitu prinsip-prinsip berkaitan lafaz sesuatu perkataan menunjukkan kepada maknanya. Ia terbahagi kepada empat iaitu:

- a. Prinsip-prinsip yang berkaitan dengan cara (*kayfiyyah*) lafaz perkataan itu menunjukkan kepada maknanya. Ia diklasifikasikan kepada *haqiqah*, *majaz*, *mushtarak*, *mantuq* dan *mafhūm* beserta penjelasan tentang syarat-syarat perpindahan makna *haqiqi* sesuatu perkataan kepada makna *majazi*. Demikian juga kupasan mengenai syarat-syarat *dalalat al-lafz* yang berkaitan dengan makna *mafhūm* dan *mushtarak* serta penggunaannya<sup>35</sup>.
- b. Prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada pembahagian peringkat kekuatan dan kelemahan di antara sesama *dalalah* seperti *muhkam*, *mufassar*, *nass*, *zahir*, *khafiy*, *mushkal* dan *mujmal*. Di samping itu juga prinsip ini turut menjadi panduan yang mesti diikuti bagi meleraikan percanggahan yang berlaku di antara dua peringkat daripada peringkat-peringkat *dalalah* tersebut<sup>36</sup>.
- c. Prinsip-prinsip yang menetapkan bahawa satu rangkaian ayat itu sama ada berbentuk *khbar* (berita) atau *insha'* (arahan). *Khbar* itu pula hanya menunjukkan kepada hukum *wad'iyyah* yang menjadi tunjang kepada hukum *taklifiyyah*. Manakala *insha'* menunjukkan kepada hukum *taklifiyyah* iaitu *dalalah* yang lahir daripada ayat *insha'* sama ada dalam bentuk *sighah amr* (perintah) atau *nahy* (tegahan). Prinsip ini juga turut berperanan menjelaskan makna yang ditunjukkan oleh setiap satu daripada *sighah amr* dan *nahy* tersebut ketika ketiadaan *qarinah*<sup>37</sup>.
- d. Prinsip-prinsip yang menyingkap ruang lingkup *dalalah* dengan

35 Ibid.

36 Ibid.

37 Ibid.

mengklasifikasikan sesuatu lafaz itu kepada *am, khas, mutlaq* atau *muqayyad*.<sup>38</sup>

ii) *Bayan*

Manakala *bayan* pula merupakan prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah yang digunapakai dalam keadaan-keadaan berikut:

- a. Ketika berlakunya percanggahan yang bersifat rantingan di antara satu lafaz perkataan yang khusus yang mempunyai *dalalah* yang sempit kepada makna yang khusus dan terbatas dengan satu lafaz yang luas atau umum yang mempunyai *dalalah* yang luas tanpa terbatas dalam ruang lingkup hukum itu sendiri. Dalam hal ini, terdapat kaedah-kaedah bahasa tertentu yang dapat mengharmonikan percanggahan ini serta melakukan penyesuaian makna di antara dua ibarat atau ungkapan tersebut.
- b. Ketika terdapat percanggahan rantingan antara lafaz *mutlaq* dan *muqayyad*, maka percanggahan tersebut boleh dilewai-kan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu.
- c. Begitu juga ukuran dan timbangan yang menjadi panduan sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan untuk dibuat pentakwilan ke atas sesuatu lafaz.
- d. Ketika bertemu dengan perkataan yang *mujmal* iaitu makna yang dikehendaki daripada perkataan tersebut tidak jelas kecuali dengan merujuk kepada *qarinah* dan dalil-dalil lain. Dengan berpandukan kepada kaedah-kaedah dan prinsip-prinsip tersebut maka maksud sebenar perkataan *mujmal* itu akan menjadi jelas.

### Pelengkap

Pengambilan serta pemahaman nas yang dibincangkan sebentar tadi hanya akan terealisasi melalui individu-individu yang berkebolehan dan berkelayakan untuk mengistinbat hukum syarak daripada sumber asalnya serta mampu menghuraikan *dalalah-dalalah* nas dan mengharmonikan nas-nas yang kelihatan bercanggah di antara satu sama lain. Ini kerana bukan semua individu Muslim mampu untuk memahami makna yang dikehendaki daripada nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Di samping itu juga perbincangan turut meliputi ijtihad, taqlid, fatwa, penyusunan keutamaan dalil dan prinsip-prinsip pentarjihan jika kelihatan berlaku pertentangan<sup>39</sup> di antara dalil.

Inilah rumusan *manhaj* ilmiah Islam yang menjadi panduan kepada setiap individu Muslim dalam usahanya berpegang dengan agamanya sama ada yang berkaitan dengan akidah atau *amaliyyah shar'iyah* serta

38 Ibid

39 Dikatakan 'kelihatan' kerana nas itu pada zahirnya sahaja kelihatan tidak serasi tetapi pada hakikatnya tidak terdapat pertentangan antara nas ilahi.

menjadi neraca timbangan kepada kesungguhan seorang Muslim itu benar-benar komited untuk terus berada di atas kebenaran dan hidayah ilahi. Pada masa yang sama juga, ia turut menjadi pengukur yang paling tepat bagi mengenalpasti golongan yang pada hakikatnya lebih mengutamakan hawa nafsu berbanding akal yang rasional dalam pengistinbatan hukum dan pengeluaran fatwa sekaligus menyimpang jauh dan menyeleweng dari jalan yang benar.

### **PERSOALAN BERKAITAN PENGABSAHAN SAINS SOSIAL SEBAGAI SALAH SATU SUMBER PENGISTINBATAN HUKUM**

*Manhaj* yang telah dibincangkan di atas merupakan panduan dalam memahami serta mentafsirkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dalam merumus hukum hakam dan *mendabit* pemikiran mahupun ijtihad. Justeru penulis merasakan persoalan yang ditimbulkan di sini mempunyai signifikannya kerana terdapat usaha intensif menjadikan kaedah sains sosial sebagai salah satu sumber pengistinbatan hukum syarak.<sup>40</sup> Sebagai satu contoh, desakan memahami *waqif* atau realiti dalam usaha mengistinbat hukum 'semasa' dan mengeluarkan fatwa terkini. Adakah para ulama tidak menyedari hakikat keadaan masyarakat di tempat seseorang mufti itu berada merupakan salah satu syarat yang perlu ada kepada seorang mufti? Ia adalah antara komponen *manhaj* ilmiah dalam pengistinbatan hukum dan pengeluaran fatwa.

Oleh itu, pada hemat penulis ia bukanlah uruf atau adat yang disebutkan oleh para ulama Usul Fiqh tetapi sumber asing yang mempunyai epistemologi dan metodologi tersendiri yang cuba diusahakan untuk diterimapakai sebagai salah satu sumber hukum syarak bahkan sebagai dalil paling utama yang kekuatannya dilihat mengatasi kekuatan nas al-Quran dan al-Sunnah. Sumber ini sama ada diterima bulat-bulat, dicelup atau dibuat pengubahsuaian, ia tetap sama kerana hasilnya adalah andaian dan tekaan semata-mata<sup>41</sup> yang sekaligus mencerminkan perbezaan yang sangat dengan *manhaj* Islam yang sifatnya adalah yakin dan pasti seperti yang telah dibincangkan di atas tadi. Sebagai contoh praktikal ialah firman Allah (s.w.t):

Maksudnya: *Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai*

- 40 Misalnya dakwaan untuk memperkasa ilmu Usul Fiqh pada zaman ini memerlukan kepada sintesis dan bantuan daripada kaedah penyelidikan sosial
- 41 Dalam hal ini Henri Poicare telah berkata "Sesungguhnya ahli sains kemasyarakatan adalah seramai-ramai manusia yang berada dalam kebingungan lantaran perkara yang ditangani oleh mereka terdiri daripada unsur-unsur bangsa manusia dan ia adalah unsur yang paling banyak perubahan dan paling banyak kerumitan dan ia adalah yang paling teruk perbezaan dan percanggahannya. Setiap idea atau kajian di dalam ilmu sosiologi tidak lebih daripada mencadangkan kaedah lain yang baru yang ahli-ahli sosiologi berusaha sedaya upaya untuk menerapkannya. Justeru kemasyarakatan merupakan ilmu yang banyak kaedah tetapi sedikit hasilnya."

*satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Maidah 5: 38)

Berdasarkan *manhaj* yang disentuh tadi, akal manusia yang waras dan rasional seharusnya tunduk dengan nas ini<sup>42</sup> kerana perkhabarannya serta dakwaan yang dikemukakannya (isi kandungan nas) juga adalah sah dan meyakinkan. Oleh itu persoalan yang mungkin timbul ialah dari manakah datangnya perasaan ragu dan was-was terhadap pelaksanaannya? Alasan logik yang sering diberi bagi menolak interpretasi dan pelaksanaan ajaran Islam ialah tiada bukti yang benar-benar konkrit pada pandangan akal ia dapat menyelesaikan sesuatu masalah masyarakat dengan andaian masalah tersebut masih akan terus berlaku sekalipun dilaksanakan perundangan Islam.

Soalan yang ingin penulis timbulkan di sini ialah jika Islam tidak mempunyai *manhaj* selain yang dikupas sebentar tadi, apakah sebenarnya yang berlaku? Adakah mungkin terdapat *manhaj* lain yang mempunyai nilai ilmiah yang sama? Ia adalah mustahil kerana selain daripada usaha keras ulama Islam dalam menyusun kaedah dan *manhaj* seperti yang telah dibincangkan, tidak akan ada mana-mana manusia yang sanggup bersusah payah mengorbankan masa dan tenaga tanpa mendapat imbuhan dan pulangan yang lumayan.<sup>43</sup> Oleh itu sudah pasti di sana terdapat *manhaj* yang lain yang digunapakai bagi menyelesaikan masalah manusia tetapi ia sudah tentu tidak ilmiah bahkan hanya bersifat spekulasi dan andaian semata-mata. Dengan kata lain permasalahan manusia cuba diselesaikan dengan berasaskan kerangka pemikiran empirikal yang dikenali dengan sains sosial. Ia jelas kelihatan tidak mampu untuk membenar atau mengiakan penyelesaian terhadap masalah masyarakat yang dihasilkan oleh *manhaj* yang telah diakui yakin dan pasti.

Justeru *fuqaha'* zaman ini, perlu terlebih dahulu mengenali dengan lebih dekat mengenai pentakrifan sains sosial, sejarah kelahiran dan perkembangannya serta tabiatnya sebagai sumber cedokan barat dalam memahami kaedah perubahan sosial sebagai alternatif kepada penolakan panduan hidup Kristian yang dikemukakan oleh sistem teokrasi (gereja dan Paus). Ini kerana keghairahan menangani isu ijthihad kontemporari tanpa gambaran yang jelas tentang kedudukan dan tabiat sains sosial tersebut akan mudah sahaja untuk disamakan dengan kaedah perubahan dan keanjalan hukum menurut panduan Islam yang sebenar. Dalam konteks ini, *fuqaha'* perlu terlebih dahulu bekerjasama dengan ulama Usuluddin yang perlu bekerja lebih keras dan berlipat kali ganda daripada

42 Dan juga nas-nas yang lain.

43 Berbeza dengan ulama Islam kerana pendorong utama mereka ialah keimanan yang kukuh kepada Allah (s.w.t) dan Nabi Muhammad (s.a.w). Al-Buti, Muhammad Sa'ïd Ramadan. 1413H/1993. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. Cetakan Kelapan. Beirut : Dar al-Fikr al-Mu'asir. hlm. 49.

*fuqaha'* dalam merangka batasan dan ruang-lingkup sains sosial atau lebih tepat, ilmu *'umran* (ketamadunan) yang lebih serasi dan seiring jalan dengan rasionaliti Usuluddin *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.

Sebagai contoh, adakah wajar metodologi empirikal sains sosial Auguste Comte disamakan dengan kaedah berijtihad Imam al-Shafi'iy dalam menyelidik tempoh haid wanita yang normal?. Ini kerana *zanniyy* pada *istiqra'* (kajian dan penelitian) Imam al-Shafi'iy adalah berstatus *zanniyy* yang *shar'iy* (diperakui oleh syarak). Oleh itu pengaplikasiannya adalah berdasarkan aspek tabiat fitri semulajadi wanita itu sendiri yang konkrit (tunduk kepada cerapan) dan sekata, lagi bersifat cabang (*furu'iy*) syarak iaitu penelitian itu menyeluruh (*istiqra'tam*). Manakala tabiat *zanniyy* pada *istiqra'* Comte pula adalah berstatus *zanniyy* yang akli *mujarrad* (akal mutlak tanpa berpandu kepada sumber yang lebih asas). Lantaran itu pengaplikasiannya adalah berdasarkan gelagat sosial yang bersifat rencam, abstrak lagi tidak sekata variasinya atau penelitian itu dibuat secara terpilih (*istiqra' naqis*).

Kesimpulan yang dapat dibuat sebelum menutup perbincangan ini ialah disiplin usul fiqh adalah amat simbiotik dan saling bertimbal balas dengan disiplin usuluddin. Sebelum usul fiqh dapat berfungsi sebagai kaedah mengistinbat hukum dan mengenal pasti wajah pendalilan nas, usuluddin perlu terlebih dahulu menyaring serta menapis khazanah pemikiran manusia sejagat untuk diasingkan unsur dan dimensi spekulatif akal yang bersifat hipotesis iaitu relatif mutlak yang sentiasa berevolusi dan tersedia untuk terus melalui perubahan serta tidak pasti daripada unsur dan dimensi *idrak* (tanggapan) akal yang bersifat pasti (sekalipun ia mungkin masih relatif).

## PENUTUP

Antara tugas asasi umat Islam pada hari ini ialah memahami Islam dengan jelas menurut kehendak al-Quran dan hadis berasaskan kefahaman dan ilmu secara menyeluruh seperti yang telah disusun oleh para ulama muktabar lebih-lebih lagi umat Islam pada zaman ini yang menyaksikan pelbagai seruan kepada pelbagai ajaran dan fahaman yang meragukan ketinggian dan petunjuk Islam. Hanya dengan ilmu pengetahuan yang memelihara dari kesesatan, menimbulkan ketakutan kepada Allah (s.w.t) dan menggerakkan ketaatan serta menunjukkan kepada jalan beramal yang betul sahajalah kesedaran dan kebangkitan umat Islam hari ini benar-benar akan dapat menghancurkan pengaruh puaka ideologi dalam masyarakat dan tanah air umat Islam pada hari ini. Firman Allah (s.w.t):

*Maksudnya: "Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang mu'min itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk*

*memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.”*

(Surah al-Taubah 9:122)

Antara ilmu yang perlu dipelajari dan difahami dengan mendalam khususnya ketika membicarakan persoalan berkaitan fatwa ialah ilmu Usul Fiqh kerana kaedah Usul merupakan satu-satunya sahaja alat bagi mengistinbat, memahami dan mengetahui hukum syarak. Dengan kata lain, pemahaman dan pengistinbatan hukum syarak yang betul dan tepat mesti berpandukan – semata-mata – kepada kaedah yang telah disusun oleh ulama-ulama usul fiqh. Hal ini perlu diberi perhatian serius kerana golongan sekular dalam usaha untuk menghancurkan Islam tidak mempedulikan kaedah dan disiplin yang perlu dipatuhi dalam mengistinbat hukum syarak. Mereka ini terdiri dari kalangan umat Islam sendiri yang mengaku intelektual – kononnya – tetapi rendah dan kurang akhlaknya, tidak ada kejujuran dan ketelitian ilmiah serta tidak bertanggungjawab terhadap bencana yang menimpa umat Islam akibat kecurangan yang telah mereka lakukan.

Pada sudut yang lain pula, para ulama yang terdiri daripada pewaris para Nabi – berbeza jauh dengan golongan sekular – merupakan peribadi yang telah mencapai keluasan dan kematangan dalam ilmu sehingga pandangan dan pendapat mereka menepati dengan kehendak agama. Dengan kematangan takwa yang telah melepasi pasang surutnya dalam jiwa mereka; tidak akan mengeluarkan pandangan dan pendapat tanpa ia telah diyakini terlebih dahulu sebagai menepati kehendak ilmu. Inilah yang perlu difahami apabila mahu menginsafi ketinggian dan keutamaan *turath* Islam yang telah diwariskan oleh ulama-ulama Islam yang ikhlas kepada manusia pada zaman ini. Pada hakikatnya *turath* itu jauh berganda-ganda nilainya daripada seluruh pemikiran dan andaian falsafah Barat dari dulu sehinggalah sekarang bahkan sampai bila-bila sekalipun. Apalah gunanya selautan fatamorgana di hadapan sebuah telaga lama yang tidak pernah putus-putus mengeluarkan air baru untuk kebaikan manusia. Firman Allah (s.w.t):

*Maksudnya: “Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, sebab itu jangan sekali-kali kamu termasuk orang-orang yang ragu.”*

(Surah al-Baqarah 2: 147)

Firman-Nya lagi:

*Maksudnya: Katakanlah: “Adakah kamu mempunyai sesuatu pengetahuan sehingga dapat kamu mengemukakannya kepada Kami?” Kamu tidak mengikuti kecuali persangkaan belaka, dan kamu tidak lain hanya berdusta.”*

(Surah al-An’am 6: 148)

Justeru asas utama yang merupakan penyelesaian sebenar kepada

segala masalah yang menimpa umat Islam khususnya dan dunia amnya pada hari ini bukan terletak pada pembukaan pintu ijtihad tetapi pada penegakan sepenuhnya syariat oleh manusia yang bertakwa kepada Allah (s.w.t) tanpa sebarang alasan dan penangguhan lagi. Firman Allah-Nya:

Maksudnya: "Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya."

(Surah al-A'raf 7: 96)

## BIBLIOGRAFI

### *Al-Quran.*

Abu Zahrah, Muhammad. t.th. *Usul al-fiqh*. Qaherah : Dar al-Fikr al-<sup>Arabi</sup>.

Al-Amidi, <sup>Ali bin Muhammad</sup>. 1402H. *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. sunt. <sup>Abd al-Razzaq Afifi</sup>. Beirut : al-Maktab al-Islami.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1421H/2000. *Dawabit al-Maslahah fi al-Shar'ah al-Islamiyyah*. Cetakan Keenam. Beirut : Mu'assasah al-Risalah.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1996. *Keyakinan Hakiki* terj. Muhammad Sulaiman Yassin. Selangor : ABIM.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1413H/1993. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah*. Cet. ke-8. Beirut : Dar al-Fikr al-Mu<sup>Asir</sup>.

Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2000. *al-Salafiyyah Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Mazhab Islamiyy*. Cetakan Ulangan. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu<sup>Asir</sup>.

Al-Farfur, Muhammad <sup>Abd. Al-Latif Salih</sup>. 1408H/1988. *Mi'yar al-<sup>Ilm</sup> aw Usul al-Khilaf al-<sup>Ilmiyy</sup>*. Beirut : Dar al-Ma'mun li al-Turath.

Mohd. Sulaiman Hj. Yasin. 1997. *Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Selangor : Yayasan Salman.

Al-Qaradawi, Yusuf. 1990/1410H. *Fatawa Mu<sup>Asirah</sup>*. 3 jil. Cet. ke-5. Kuwait : Dar al-Qalam li al-Nashr wa al-Tawzi<sup>Arabi</sup>.

Al-Shafi'i, Muhammad bin Idris. 1357H/1940. *al-Risalah* sunt. Ahmad Shakir. Qaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.

Al-Zuhaily, Wahbah. 1417H/1996. *Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Cetakan Ulangan.. Beirut : Dar al-Fikr.

Al-Bannani. T.th. Hashiah *al-<sup>Allamah</sup> al-Bannani <sup>Ala</sup> Sharh al-Jalal al-Din al-Mahalli <sup>Ala</sup> Matn Jam<sup>Arabi</sup> al-Jawami<sup>Arabi</sup>*.

Zulkifli Ismail. 2002. *Ancaman Bahaya Sekularisme*. Sungai Udang : Baitul Qurra'.